



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO
TARIKH	:	20/12/2019
JABATAN	:	PERHILITAN
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

Sorok 150 ular dalam kontena

Bukti Kayu Hitam: Polis mengagalkan cubaan menyeludup 150 ular pelbagai spesies ke negara jiran melalui sempadan Malaysia-Thailand, hasil serbuan di tempat parkir dalam kawasan bebas cukai di sini, jam 8 pagi semalam.

Timbalian Ketua Polis Daerah Kubang Pasu, Deputy Superintendan Chien Chung Tsaur berkata, reptila itu ditemui sepasukan anggota Balai Polis Bukit Kayu Hitam yang menjalankan pemeriksaan dalam kontena di kawasan itu.

"Pemeriksaan dalam kontena tidak berkunci itu menemui 30 karung guni plastik biru.

"Setiap karung guni itu mengandungi antara empat hingga lima ular pelbagai spesies," katanya, semalam.

Chien, tidak menolak kemungkinan reptila berkenaan disimpan dalam kontena sebelum diseludup ke negara jiran berikutan permintaan tinggi.

Katanya, anggota serbuan melakukan pemeriksaan selama 45 minit di lokasi berkenaan, namun tiada pihak tampil menuntut reptila berkenaan.

"Kes diserahkan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) untuk tindakan lanjut," katanya.



CHIEH (tengah) menunjukkan pelbagai ular yang dirampas dan cuba diseludup ke negara jiran.